

LAMPIRAN 'D1'

**PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI OLEH MEREKA YANG BUKAN PENJAWAT
AWAM/PAKAR PERUNDING BERKENAAN DENGAN
AKTA RAHSIA RASMI 1972 (AKTA 88)**

Adalah saya dengan ini mengaku bahawa perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) dan bahawa saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam Akta itu. Khususnya saya faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah, sesuatu benda rahsia Kerajaan, tidak menjaga dengan cara yang berpatut sesuatu rahsia atau apa-apa tingkah laku yang membahayakan keselamatan atau rahsia sesuatu benda rahsia adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta tersebut, yang boleh dihukum maksimum penjara seumur hidup.

Saya faham bahawa sebagai kakitangan syarikat kontraktor atau subkontraktor dengan Kerajaan Malaysia, segala rahsia rasmi yang saya peroleh dalam perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang dipertuan Agong atau perkhidmatan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia, adalah milik Kerajaan dan tidak akan membocorkan, menyiar atau menyampaikan, sama ada secara lisan, bertulis atau dengan cara elektronik kepada sesiapa jua dalam apa-apa bentuk, kecuali pada masa menjalankan kewajipan-kewajipan rasmi saya, sama ada dalam masa atau selepas perkhidmatan saya dengan Seri Paduka Baginda Yang dipertuan Agong atau dengan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia dengan tidak terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis pihak berkuasa yang berkenaan. Saya berjanji dan mengaku akan menandatangani suatu akuan selanjutnya bagi maksud ini apabila meninggalkan Perkhidmatan Kontraktor Kerajaan.

Tandatangan:.....

Nama (Huruf Besar):.....

No. Kad Pengenalan:.....

Jawatan:.....

Jabatan/Organisasi:.....

Tarikh:.....

Disaksikan Oleh:.....
(Tandatangan)

Nama (Huruf Besar):.....

No. Kad Pengenalan:.....

Jawatan :

Jabatan/Organisasi:.....

Tarikh:.....

Cop Jabatan/Organisasi:.....